



**LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA**

**IKLAN :  
RUJ. : BIL. (1) TAWARAN/INDUSTRI/2018**

**PELAWAAN PERMOHONAN LOT-LOT INDUSTRI KOSONG DI KAWASAN  
PERINDUSTRIAN KEJORA**

**1.0 MAKLUMAT AM**

<b>Kawasan</b>	<b>No. Lot</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>	<b>Tempoh Pajakan (Tahun)</b>
Kawasan Perindustrian Bandar Tenggara, Mukim Ulu Sungai Johor, Kulai, Johor	PTB1277	0.6281	37
	PTB1278	0.5977	37
	PTB1279	0.6281	37
	PTB1258	3.7300	35
	PTB1239	0.9832	35
	PTB1240	0.9735	35
	PTB1303	5.7919	32

***Nota: Harga Jualan adalah RM7.00 sekaki persegi. Tertakluk kepada perubahan harga pasaran semasa.***

**2.0 SYARAT-SYARAT**

- 2.1 Pemohon hendaklah terdiri daripada Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, dengan modal berbayar sekurang-kurangnya RM25,000.00 yang dibuktikan melalui Borang 24, Akta Syarikat 1965.
- 2.2 Borang permohonan berserta pelan lokasi boleh didapati pada **harga RM25.00** bagi setiap borang dengan terus berurusan di alamat berikut:

**Unit Ekonomi & Usahawan  
Bangunan Ibu Pejabat KEJORA  
Jalan Dato' Hj Hassan Yunus  
81930 Bandar Penawar  
Johor Darul Takzim  
No. Tel. : 07-8843000**

- 2.3 Jenis perusahaan yang dibenarkan adalah perusahaan ringan dan sederhana serta bebas pencemaran alam sekitar.

### 3.0 BAYARAN-BAYARAN

Peringkat	Bayaran
Peringkat 1	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran sebanyak 10% daripada harga jualan.</li><li>• Bayaran ini perlu dijelaskan oleh syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat setuju terima ditandatangani oleh syarikat</li></ul>
Peringkat 2	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran sebanyak 25% daripada harga jualan.</li><li>• Bayaran ini perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari perjanjian ditandatangani di antara KEJORA dan syarikat</li></ul>
Peringkat 3	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran terakhir sebanyak 65% daripada harga jualan berserta lain-lain bayaran bagi penyediaan suratan hakmilik.</li><li>• Penyediaan suratan hakmilik atau proses pindah milik lot tanah tersebut akan dilaksanakan setelah syarikat mematuhi segala terma &amp; syarat perjanjian terutama daripada segi pembangunan lot tersebut.</li><li>• Bayaran ini perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari daripada kelulusan pindah milik oleh Kerajaan Negeri</li></ul>

Nota : KEJORA tidak akan memulangkan bayaran 10% atau lain-lain bayaran yang telah dijelaskan sekiranya tanah tersebut ditarik balik atau tawaran dibatalkan atau perjanjian ditamatkan akibat daripada kegagalan pihak syarikat melaksanakan atau mematuhi mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian yang ditandatangani di antara KEJORA dan syarikat.

### 4.0 PERMOHONAN

4.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi sebagaimana perkara 2.2 di atas.

4.2 Permohonan yang lengkap perlu dikembalikan kepada alamat:

**Unit Ekonomi & Usahawan  
Bangunan Ibu Pejabat KEJORA  
Jalan Dato'Hj Hassan Yunus  
81930 Bandar Penawar  
Johor Darul Takzim  
No. Tel. : 07-8843000**

4.3 Setiap syarikat yang memohon diwajibkan untuk mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang lengkap sebagaimana yang disyaratkan di perkara 10.0 Borang Permohonan Lot Industri KEJORA.

4.4 Tarikh tutup permohonan adalah pada 1 Ogos 2018 jam 4.00 petang.

Sekian Terima Kasih.

## KAWASAN INDUSTRI FASA II BANDAR TENGGARA

